

23/03/2001

`Dakwaan Harakah selepas tiga ratu ditangkap'

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu lidah rasmi Pas, Harakah pada keluaran Ogos 1997, ada menyiarkan artikel yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang murtad.

Eksekutif Teknologi Maklumat Sistem Televisyen Malaysia Bhd (STMB) atau TV3, Abdul Malek Faisal Hyffny, berkata dakwaan yang disiarkan pada 11 Ogos itu berikutan isu penangkapan tiga peserta ratu cantik oleh pegawai Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

"Dari peristiwa itu, PM (Perdana Menteri) membuat kenyataan umum dengan mengkritik penangkapan peserta ratu cantik itu. Berikutan kritiknya (PM) dan selepas membaca artikel itu (Harakah), saya percaya ia merujuk kepada PM.

"Ulasan dalam artikel itu dikatakan dibuat oleh Mufti (Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharum) ... PM dan Mufti menjadi persoalan pokok perselisihan ketika itu.

"Ulasan Mufti bahawa beberapa pemimpin negara adalah murtad ... ini (pandang) hanya dapat merujuk kepada PM dalam kedudukan itu. Harakah memilih untuk menyiarkan cerita itu di muka depannya dan ini menggambarkan kepentingannya," katanya.

Abdul Malek, wartawan kanan TV3 ketika kejadian itu berlaku memberi keterangan di depan Hakim Datuk Dr Kamalanathan Ratnam.

Bekas Setiausaha Agung Pas, Abdul Halim Arshat mengemukakan saman malu yang menuntut ganti rugi RM60 juta terhadap TV3; Pengarah Operasi TV3, Yunus Said dan Penerbit Buletin Utama, Rozaireen Ibrahim.

Dalam pernyataan tuntutananya, Abdul Halim mendakwa stesen televisyen itu menyiarkan berita pada 8 malam, 18 Ogos 1997 memfitnah akhbar berkenaan.

Katanya, berita itu antara lain mendakwa akhbar Harakah membuat tuduhan Perdana Menteri sudah murtad.

Abdul Halim berkata, kandungan berita merujuk kepadanya kerana ketika itu beliau adalah setiausaha agung parti dan pemegang permit akhbar berkenaan.

Dalam pembelaan, defendan menggunakan pembelaan ulasan yang adil dan perlindungan bersyarat.

Menjawab soalan peguambela TV3, P H Loh, Abdul Malek berkata, pada Ogos 1997 beliau bertugas di pejabat cawangan TV3 Pulau Pinang dan menemubual Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman di Pulau Langkawai mengenai isu murtad itu.

Katanya, Abdul Hamid memberitahunya bahawa pihaknya akan mencadangkan kepada Menteri Dalam Negeri supaya permit penerbitan Harakah dikaji semula.

Mahkamah menetapkan 11 Jun ini untuk keputusan.

(END)